

Kafe siber 'port' murid sekolah

KOSMO 11/2/02 M/S 14

Oleh SUHANA VERU
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Musim cuti sekolah ketika ini nampaknya menjadi medan bagi segelintir murid menghabiskan masa mereka dengan aktiviti yang kurang berfaedah.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati, rata-rata mereka mengunjungi kafe siber dan kebanyakan mereka berumur antara 10 hingga 16 tahun, malah ada yang semuda lapan tahun.

Seorang murid tahun empat yang hanya mahu dikenali sebagai Ismail berkata, dia dan rakan-rakannya menghabiskan masa sekurang-kurangnya dua jam setiap hari untuk bermain permainan komputer.

"Malah, ibu bapa juga tidak tahu saya keluar untuk bermain permainan video, kerana mereka menyangka saya keluar bermain bersama rakan lain," katanya ketika ditemui semalam.

Menurutnya, kafe siber juga menjadi tempat pertemuan dengan rakan-rakannya, selain menghabiskan masa bermain permainan internet secara dalam talian.

"Bukan apa kakak, kalau duduk di rumah sahaja bosan, main 'game' lagi best," ujarnya lagi.

Seorang remaja, Daniel Os-

man, 12, mengakui dia merupakan salah seorang pengunjung tetap di kafe siber tersebut.

"Lebih-lebih lagi, sekarang cuti musim sekolah, kalau duduk rumah, tak tahu nak buat apa, lebih baik datang sini (kafe siber) dan selepas itu boleh berkumpul ramai-ramai dengan rakan-rakan," katanya.


Tambah Daniel, bukan ramai yang melayari laman lucah, tetapi kebanyakan yang mengunjungi kafe siber lebih menghabiskan masa dengan permainan online.

"Ini kerana permainan tersebut menguji kemahiran dan kecakapan, sekali gus menyebabkan kami ketagih untuk bermain dan terpaksa menghabiskan wang yang banyak," jelasnya.

Sementara itu, seorang bapa, Alimudin Ahmad, 35, memberitahu, fenomena tersebut perlu ditangani segera kerana musykil mereka terjebak dengan aktiviti kurang sihat.

"Kalau boleh, semua penguat kuasa tempatan perlu memastikan pengusaha kafe siber mematuhi syarat selain tidak membenarkan kanak-kanak di bawah umur memasuki premis mereka.

"Bagaimanapun, setiap ibu bapa perlu memainkan peranan penting agar anak-anak tidak bebas keluar rumah," jelasnya lagi



KANAK-KANAK dari umur 10 tahun membanjiri kafe siber bagi memenuhi masa lapang tanpa pengetahuan ibu bapa pada musim cuti sekolah ini di Kuala Lumpur semalam.